



OPERASI PENGURUSAN NIKAH, CERAI DAN RUJU' (NCR) NEGERI SABAH

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH (JHEAINS)

Tarikh Kuatkuasa

- 05 Mac 2021
- Sepanjang Tempoh PKPP

Syarat Operasi

- Tertakluk kepada JKPBC19 Negeri / Daerah
- Arahan operasi dari masa ke semasa

Urusan Kaunter

- Pengesahan Dokumen NCR
- Kelulusan Perkahwinan
- Pendaftaran NCR
- Pendaftaran Temuduga Khas Kursus Praperkahwinan
- Akad Nikah

Pematuhan SOP

- SOP JHEAINS
- SOP JKPBC19 Negeri / Daerah
- SOP-SOP berkaitan yang diluluskan oleh KKM dan MKN di bawah Akta 342.
- SOP-SOP berkaitan dibawah Kementerian dan Agensi.

Perkara Tidak Dibenarkan

- Terlalu ramai orang dalam satu-satu masa disebabkan ruang yang terhad
- *Patient under Investigation (PUI) & Person under Surveillance (PUS)* tidak dibenarkan hadir.

**OPERASI Pejabat
JHEAINS**

Setiap Hari

**Waktu Operasi Kaunter NCR
Ibu Pejabat & JHEAINS Daerah**

- Isnin hingga Khamis: 9.00 pagi- 2.00 petang
- Jumaat: 9.00 pagi - 11.30 pagi

AKTIVITI DAN PROSES KERJA DALAM TEMPOH PKPP

Perkara	Penerangan Ringkas
1. Urusan Kaunter	<ol style="list-style-type: none"> Pengunjung diwajibkan mendaftar diri dengan menggunakan aplikasi MySejahtera atau menulis maklumat diri ke dalam buku khas yang disediakan dan melakukan pemeriksaan suhu. Pengunjung diwajibkan memakai pelitup muka dan mengamalkan Penjarakan fizikal ketika berurusan di kaunter Hanya orang berurusan sahaja yang dibenarkan masuk ke premis.
2. Akad Nikah	<ol style="list-style-type: none"> Upacara akad nikah dibenarkan di pejabat JHEAINS, Masjid yang mempunyai dewan atau bilik khas sahaja (bukan ruang solat) dengan kebenaran Jawatankuasa Masjid atau premis lain yang dibenarkan oleh pihak berkuasa. Upacara akad nikah di Pejabat JHEAINS hanya terhad Pasangan Lelaki, Perempuan, Wali dan 3 orang dari wakil pihak lelaki dan 3 orang dari wakil pihak perempuan. Upacara akad nikah di Masjid hanya terhad dengan jumlah maksima 20 orang sahaja berdasarkan ruang dan penjarakan fizikal di tempat berkenaan Upacara akad nikah di premis lain adalah terhad kepada saiz ruang yang dibenarkan oleh pihak berkuasa berdasarkan saiz ruang dan penjarakan fizikal di tempat berkenaan Temu janji akad nikah hendaklah setelah mendapat kelulusan berkahwin dari Pendaftar NCR. Tarikh upacara akad nikah di pejabat akan ditentukan oleh Pendaftar NCR berdasarkan kekosongan waktu yang ada. Perkahwinan rentas daerah dalam zon yang sama adalah dibenarkan. Bagi rentas zon yang berlainan atau luar negeri perlu mendapatkan kebenaran dari pihak berkenaan sebelum kelulusan berkahwin diberikan.
3. Temuduga Khas (Ganti Kursus Praperkahwinan Islam)	<ol style="list-style-type: none"> Terbuka kepada mana-mana pasangan yang belum menghadiri kursus Pra Perkahwinan Islam. Temuduga khas ini adalah ganti kepada kursus Pra Perkahwinan Islam Yuran sebanyak RM50.00 dikenakan bagi setiap peserta Permohonan boleh dibuat di Pejabat JHEAINS seluruh Sabah. Tempoh masa temuduga adalah selama 30 minit.
4. Kursus Pra Perkahwinan Islam (Bersemuka)	<ol style="list-style-type: none"> Kursus Pra Perkahwinan secara suamuka adalah dilaksanakan oleh pejabat JHEAINS daerah setelah mendapat kebenaran dari JKPBC19 daerah. Manakala kursus secara online akan dibuat oleh JHEAINS ibu pejabat. Permohonan boleh dibuat di Pejabat JHEAINS berdekatan. Tarikh kursus kahwin akan ditentukan oleh pejabat JHEAINS. Yuran sebanyak RM100.00 dikenakan bagi setiap peserta.